

MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

1 JAM 15 MINIT

3766/1

PERNIAGAAN

Kertas 1

ARAHAN :

1. Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.
3. Jawab **semua** soalan.
4. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

NAMA :

TINGKATAN :

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

- 1 Apakah matlamat penubuhan Organisasi Bukan Bermotifkan Untung (OBBU)?
- A Menawarkan produk berkualiti tinggi
 - B Menyediakan premis perniagaan
 - C Membantu golongan berkemampuan
 - D Meningkatkan penglibatan sektor awam

- 2 Apakah kelebihan bentuk pemilikan perniagaan milikan tunggal?
- A Membayar cukai individu
 - B Mempunyai modal yang besar
 - C Menanggung beban kerja
 - D Menambah kepakaran

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan Kilang Roti Rahmah di Puchong.

Saiz Perniagaan	
Jualan tahunan	RM500 000
Bilangan pekerja	21 orang

Apakah kelebihan saiz perniagaan tersebut?

- I Mengurus perniagaan dengan mudah
 - II Mewujud pengkhususan kerja
 - III Menikmati ekonomi bidangan
 - IV Membuat keputusan dengan cepat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 4 Pernyataan berikut berkaitan dengan skala perniagaan.

Natura Foods Enterprise adalah pengeluar serbuk kopi segera di Subang. Perniagaan telah memasarkan produk ke seluruh negara.

Apakah skala perniagaan tersebut?

- A Zon
- B Negeri
- C Tempatan
- D Kebangsaan

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan sektor perniagaan.

Durian Duri Hitam Enterprise merupakan pengeksport durian yang terkenal. Syarikat ini mengeksport pelbagai jenis durian ke Korea dan Jepun.

Apakah sektor perniagaan tersebut?

- A Pertanian
 B Pembinaan
 C Perkhidmatan
 D Pembuatan
- 6 Antara berikut, manakah merupakan agensi kerajaan yang membantu usahawan mendapatkan sumber pembiayaan.

I



II



III



IV



- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 7 Keratan akhbar berikut berkaitan dengan peranan kerajaan.

Menu Rahmah menyatukan semua

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub menegaskan inisiatif Menu Rahmah yang dilancarkan pada 31 Januari 2023 akan meningkatkan kuasa beli pengguna dan pendapatan peniaga.

(Sumber diubahsuai : <https://www.hmetro.com.my>, 16 Mac 2023)

Apakah kesan daripada tindakan kerajaan tersebut?

- A Meningkatkan pengeluaran peniaga
 - B Menggalakkan pembelian barang import
 - C Menjamin pengaliran wang masuk luar negara
 - D Menggubal undang-undang perlindungan pengguna
- 8 Apakah tindakan perniagaan apabila berlaku trend mendatar?

- A Mencari pasaran baharu
- B Meningkatkan daya pengeluaran
- C Menambahkan keuntungan
- D Meyakinkan pihak pembiaya

- 9 Dialog berikut berkaitan dengan sumber manusia luaran.

Pengurus : Tahniah! Anda telah diterima bekerja kerana cadangan anda terpilih untuk dikemukakan kepada pihak atasan.

Pekerja : Terima kasih tuan.

Apakah kelebihan pekerja tersebut?

- A Memahami budaya syarikat
 - B Mempunyai motivasi yang tinggi
 - C Mengetahui maklumat prestasi
 - D Melahirkan idea baharu
- 10 Pernyataan manakah yang menerangkan misi?
- A Panduan bagi membuat keputusan
 - B Pembentukan maklumat yang khusus
 - C Penetapan aktiviti untuk mencapai matlamat
 - D Penglibatan fokus perancangan jangka masa panjang


- 11 Gambar 1 berkaitan dengan sebuah organisasi.



Gambar 1

Apakah objektif organisasi tersebut?

- A Menjalankan aktiviti secara percuma
 - B Memuaskan kehendak pemilik perniagaan
 - C Memberikan perkhidmatan kepada orang ramai
 - D Menerapkan budaya korporat dalam pengurusan
- 12 Rajah 1 berkaitan ciri-ciri objektif perniagaan.




Rajah 1

Apakah aktiviti berkaitan dengan ciri **P**?

- A Menyasarkan peningkatan 15% jualan motosikal
- B Membekalkan motosikal elektrik bagi pasaran antarabangsa
- C Meningkatkan pengeluaran motosikal elektrik menjelang tahun 2025
- D Mengambil pekerja berkemahiran mengendalikan mesin berteknologi tinggi

- 13 Rajah 2 berkaitan syer pasaran untuk perkhidmatan percetakan di negeri Selangor.



Rajah 2

Jumlah jualan tahunan keseluruhan industri ini ialah RM6 000 000. Hitungkan jualan tahunan syer pasaran terbesar industri tersebut.

- A RM600 000
 B RM1 500 000
 C RM3 300 000
 D RM4 800 000
- 14 Antara berikut, yang manakah merupakan kesan kepada perniagaan akibat kegagalan mencapai objektif perniagaan?
- I Jualan merosot
 II Berlaku deflasi
 III Pengangguran meningkat
 IV Gagal dalam persaingan
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

15 Apakah tujuan setiap bahagian fungsian dalam perniagaan?

- A Membolehkan penumpuan pada bidang tugas yang diberikan
- B Memudahkan arahan diberikan oleh pengurus atasan
- C Mempercepatkan pencapaian objektif perniagaan
- D Memastikan undang-undang perniagaan dilaksanakan

16 Maklumat berikut berkaitan aplikasi teknologi maklumat dalam perniagaan.

Encik Tarmizi berada di luar negara kerana urusan peribadi. Beliau ingin memperbaharui sijil perakuan pendaftaran perniagaannya yang telah tamat tempoh.

Apakah aplikasi teknologi maklumat yang boleh digunakan oleh Encik Tarmizi?

- A e-dagang
- B e-banking
- C e-pemasaran
- D e-government

17 Mengapakah bahagian fungsian kewangan menerima invois daripada pembekal?

- A Menghantar pesanan pembelian
- B Memulangkan barang pembelian
- C Menjelaskan pembayaran pembelian
- D Memaklumkan penerimaan pembelian

18 Maklumat berikut berkaitan langkah pembangunan produk baharu.

- Matlamat keuntungan
- Menerangkan sasaran jualan

Apakah langkah tersebut?

- A Penyaringan idea
- B Ujian pemasaran
- C Analisis perniagaan
- D Pembangunan strategi pemasaran

- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan sumber manusia dalam sebuah perniagaan.

Syarikat NAA Holdings mengamalkan konsep 'Zero Defect' bagi memastikan kecemerlangan syarikat.

Apakah peranan tersebut?

- A Pemantapan budaya profesional
- B Langkah peningkatan kemahiran
- C Pemberhentian kerja
- D Prestasi pasukan

- 20 Maklumat berikut berkaitan dengan jenis kesalahan pekerja.

Lewat datang kerja sebanyak tiga kali.

Apakah tindakan yang patut diambil oleh majikan?

- A Diberhentikan
- B Potongan gaji
- C Amaran bertulis
- D Tiada kenaikan pangkat

- 21 Iklan berikut berkaitan dengan kemahiran kebolehkerjaan.

JAWATAN KOSONG!
JURURAWAT TERLATIH

Kelayakan :

- Warganegara Malaysia
- Berkelulusan Diploma atau Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejururawatan daripada Politeknik/IPTA/IPTS yang diiktiraf
- Bekerja sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang Kejururawatan

Permohonan boleh dibuat secara bersurat/emel dengan menyatakan biodata peribadi (Resume) berserta sekeping gambar berukuran passport sebelum/pada 15 Oktober 2023.

Alamat: Pengurus Pusat Hemodialisis Felda Blok 2, Anjung Felda, Jalan Maktab 54000 Kuala Lumpur

Emel: nurshamsiah.h@felda.net.my

Antara berikut, manakah kemahiran kebolehkerjaan yang diperlukan?

- I Berpengalaman dalam industri tertentu
 - II Kelayakan yang bersesuaian
 - III Berpengetahuan tentang produk
 - IV Keberkesanan mencapai sasaran pasukan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 22 Apakah tujuan Akta Keselamatan Sosial (PERKESO) (1969)?

- A Melindungi majikan daripada tuntutan pekerja
- B Meningkatkan motivasi pekerja
- C Menghargai sumbangan pekerja
- D Mengekalkan kedudukan pekerja

- 23 Gambar 2 berkaitan aktiviti penyelenggaraan sumber fizikal.




Gambar 2

Antara berikut, manakah kepentingan aktiviti tersebut?

- I Memastikan operasi kedai berjalan lancar
 - II Menguruskan ganti rugi secara terancang
 - III Mengelakkan penyalahgunaan jenama
 - IV Menentukan mesin basuh yang perlu dibaiki segera
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan prosedur mengurus sumber teknologi.



Apakah S?

- A Paten
- B Lesen perisian
- C Hak cipta terpelihara
- D Kemahiran dan pengalaman

- 25 Apakah kesan pengurusan sumber fizikal dan teknologi Perusahaan Kerepek Suzi?

	Sumber fizikal	Sumber teknologi
A	Resipi tidak boleh ditiru	Perlindungan premis daripada kebakaran
B	Penyelenggaraan mesin sebulan sekali	Pengeluaran berjalan lancar
C	Perlindungan premis daripada kebakaran	Penyelenggaraan sebulan mesin sekali
D	Pengeluaran berjalan lancar	Resipi tidak boleh ditiru

- 26 Situasi berikut berkaitan sebuah syarikat yang memerlukan sumber pembiayaan luaran.

Kedai Dobi Cantik memerlukan pembiayaan segera untuk membayar pembekal bahan pencuci.

Apakah sumber pembiayaan yang sesuai?

- A Overdraf bank
- B Sewa beli
- C Pajakan
- D Rizab

- 27 Antara berikut, manakah padanan yang tepat?

	Sumber pembiayaan luaran	Huraian
I	Pajakan	Kemudahan sewa bagi tempoh tertentu
II	Sewa beli	Kemudahan memerlukan cagaran
III	Overdraf	Kemudahan kepada pemegang akaun simpanan
IV	Pemfaktoran	Kemudahan pembelian akaun penghutang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28 Apakah kelemahan sumber pembiayaan daripada bank kepada usahawan?

- A Jumlah pinjaman yang terhad
- B Dokumentasi yang sedikit
- C Cagaran yang diperlukan
- D Kerenah birokrasi yang rumit

29 Maklumat berikut berkaitan dengan Kunci Kira-kira sebuah perniagaan.

	RM
Kenderaan	120 000
Perabot	32 000
Inventori Akhir	10 570
Penghutang	30 420
Tunai	15 890

Berapakah jumlah aset semasa perniagaan tersebut?

- A RM42 570
- B RM56 880
- C RM88 880
- D RM152 000

30 Maklumat berikut diambil daripada penyata kewangan Zack Enterprise.

	RM
Modal Awal	80 500
Jualan Bersih	40 720
Kos Jualan	10 255
Untung Kasar	30 465
Untung Bersih	18 605

Hitungkan margin untung bersih.


- A 23.11%
- B 45.69%
- C 61.07%
- D 74.81%

- 31 Maklumat berikut berkaitan nisbah untung Asrol Furniture.

Tahun	2021	2022
Peratusan Untung Tokokan	1.9%	2.7%

Apakah kesan yang ditunjukkan oleh nisbah tersebut?

- A Kemampuan menjelaskan hutang dengan cepat
 - B Pengurusan stok yang efisien
 - C Pusing ganti aset bertambah
 - D Kecekapan mengawal harga jualan
- 32 Rajah 3 berkaitan dengan kekuatan diri usahawan.



Rajah 3

Pernyataan manakah menerangkan Q?

- A Mengekalkan kualiti barang
- B Merancang aktiviti perniagaan
- C Menetapkan visi bagi menjayakan perniagaan
- D Mempunyai komunikasi baik dengan semua pihak

- 33 Pernyataan berikut berkaitan faktor penyumbang bagi memulakan perniagaan.

Syarikat Rimba Raya Sdn. Bhd. mendapatkan khidmat nasihat daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia untuk memulakan perniagaan.

Apakah faktor tersebut?

- A Modal
- B Latihan
- C Lokasi yang sesuai
- D Bantuan profesional

- 34 Manakah pasangan yang tepat?

	Nama Perniagaan	Akta Penubuhan Perniagaan
A	Kedai Runcit Tam	Akta Syarikat 2016
B	Pasar Mini Amani	Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
C	Syarikat Lala Berhad	Akta Perkongsian 1961
D	Syarikat Adam Sendirian Berhad	Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

- 35 Apakah langkah terakhir prosedur pemerbadanan syarikat awam?

- A Melengkapkan Borang Permohonan Pendaftaran Syarikat
- B Mengeluarkan Notis Pemerbadanan Syarikat
- C Melantik setiausaha syarikat
- D Membayar fi pendaftaran

- 36 Maklumat berikut berkaitan seorang usahawan.

Puan Rani pemilik perniagaan sejuk beku membuat pendaftaran perniagaan menggunakan alamat di Klang. Beliau telah menambah cawangan perniagaannya di Puchong.

Apakah yang perlu dilakukan oleh Puan Rani?

- A Mendaftar semula perniagaan
- B Menamatkan pendaftaran perniagaan
- C Mendaftar perubahan maklumat perniagaan
- D Memperbaharui sijil perakuan pendaftaran perniagaan

37 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu dokumen perniagaan.

- Memberitahu hutang bertambah
- Pertambahan disebabkan caj angkutan

Apakah dokumen tersebut?

- A Invois
- B Nota debit
- C Nota kredit
- D Resit

38 Gambar 3 menunjukkan sebuah perniagaan yang memerlukan saluran agihan yang sesuai.



Gambar 3

Apakah saluran agihan tersebut?

- A Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna
- B Pengeluar → Ejen → Peruncit → Pengguna
- C Pengeluar → Peruncit → Pengguna
- D Pengeluar → Pengguna

39 Dialog berikut berkaitan dengan rancangan perniagaan.



Apakah kesan yang dimaksudkan oleh Azmee?

- A Pinjaman berkurangan
- B Pengurusan kewangan lemah
- C Pembiayaan gagal diluluskan
- D Perniagaan mengalami kerugian

40 Antara berikut, yang manakah terdapat dalam bahagian rancangan operasi di dalam rancangan perniagaan?

- I Carta alir
- II Kaedah promosi
- III Jadual gaji pekerja
- IV Pelan lantai kedai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT